



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
:
Web : <http://www.treasury.gov.my>

S/K. KEW/PK/BN3/921/
810100/170/58 SJ 5 (5)
21 Julai 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

KAEDAH/TAKRIFAN PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN (SAP) BERTARIKH 18 MAC 2011 BERKENAAN PEMBATALAN PENGECUALIAN GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN (*LIQUIDATED AND ASCERTAINED DAMAGES - LAD*)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah menerima banyak pertanyaan berkenaan kaedah/takrifan penguatkuasaan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) berkaitan Pembatalan Pengecualian Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*Liquidated And Ascertained Damages - LAD*) yang dikeluarkan pada 18 Mac 2011. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telah menetapkan kaedah/takrifan penguatkuasaan SAP bertarikh 18 Mac 2011 adalah seperti berikut:

- i. Projek telah disiapkan sebelum tarikh penguatkuasaan SAP bertarikh 18 Mac 2011 – Permohonan pengecualian denda LAD daripada pihak syarikat boleh diproses oleh Kementerian/Agensi mengikut peraturan dalam Para 14 SPP Bil. 8 Tahun 1995 (yang telah dibatalkan sebelum ini oleh SAP bertarikh 18 Mac 2011); dan
- ii. Projek yang belum diperakukan siap/sedang dilaksanakan semasa kuat kuasa SAP bertarikh 18 Mac 2011 dan projek yang baru dimulakan selepas 18 Mac 2011 – Permohonan pengecualian denda LAD tidak boleh dipertimbangkan selaras dengan ketetapan dan penguatkuasaan SAP di atas.

(Sila nyatakan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

3. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian/Agensi adalah diingatkan bahawa sebarang pengecualian denda LAD tidak boleh diberi secara automatik tetapi dipertimbangkan berdasarkan merit dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Para 14 SPP Bil. 8 Tahun 1995.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' FAUZIAH YAACOB)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri